

Headline	Kempen reben merahjambu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	v3	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	160 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,601
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,803



WAJAH CERIA...berkongsi kegembiraan bersama sebagai tanda sokongan.

Kempen reben merah jambu

BAGI melahirkan generasi muda prihatin dan bertanggungjawab, Kolej PTPL Shah Alam menganjurkan program PTPL Red Ribbon Campaign, baru-baru ini.

Program itu juga sempena sambutan Hari Aids sedunia yang disambut setiap tahun.

Program sehari anjuran Unit Pembangunan Pelajar (UPP) itu disertai 25 pelajar pelbagai kursus selain mendapat sokongan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

Antara aktiviti menarik ialah edaran risalah untuk memupuk kesedaran di kalangan masyarakat serta sokongan melalui pemakaian reben merah jambu oleh pelajar Kolej PTPL.

Konvoi berkereta turut diadakan ke rumah Norlina Alawi yang menempatkan anak yatim dan penghidap HIV/Aids selain pemberian sumbangan

keperluan pakaian sekolah serta kelengkapan alat tulis.

Pelajar, Norhayati Othman sebak melihat wajah kanak-kanak terabit dan menyifatkan program itu memberi manfaat dan keinsafan.

"Program ini banyak memberi kesedaran kepada saya untuk menyayangi dan memberi sokongan kepada mereka yang memerlukan.

"Saya juga bertuah kerana memperoleh pengalaman berharga yang tidak mungkin diperoleh di dalam kelas. Ia cara terbaik mengasah kemahiran diri selain mempraktikkan apa diperoleh ini dalam pengajian.

"Ini adalah medium terbaik untuk menyalurkan informasi kemasyarakatan kepada golongan muda selain melahirkan graduan berkualiti dan berakhlak mulia," katanya.